

0566

U B 0 1 8 B A H
MAHATHIR - SEJARAH

MELAKA, 14 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, BERKATA PENGISYTIHARAN MELAKA SEBAGAI BANDARAYA BERSEJARAH AKAN LEBIH BERMAKNA SEKIRANYA USAHA DITERUSKAN UNTUK MENJADIKAN MELAKA SEBAGAI SEBUAH BANDAR DAN NEGERI YANG SENANG DAN SELESA DILAWATI.

IA JUGA HARUS CANTIK DILIHAT DAN SELALU DIINGATI BUKAN SAHAJA OLEH PELANCONC LUAR NEGERI BAHKAN OLEH PARA PELAJAR NEGARA INI, KATA BELIAU DALAM KATA-KATA ALUANNYA PADA BUKU CENDERAMATA SEMPENA PENGISYTIHARAN MELAKA SEBAGAI BANDARAYA BERSEJARAH DI SINI ESOK.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGAJAK RAKYAT SUPAYA MEMBANTU PIHAK BERKUASA MEMAJUKAN MELAKA SEBAGAI SEBUAH BANDAR BERSEJARAH DAN TERUS BERSEJARAH PADA MASA HADAPAN.

MENYINGKAP KEMBALI SEJARAH NEGERI MELAKA, PERDANA MENTERI BERKATA SEJARAH MELAKA KINI MENJANGKAU HAMPPIR 600 TAHUN DAN SEMENJAK MULA DITEROKAI, DALAM HABA YANG SINGKAT IA TELAH MENJADI PELABUHAN YANG UTAMA DI RANTAU SEBELAH SINI DAN PUSAT PERKEMBANGAN KESULTANAN MELAYU NELAKA.

INI DISEBABKAN KEDUDUKANNYA YANG BEGITU STRATEGIK DAN OLEH KERANA ITU, MELAKA TELAH MENJADI REBUTAN KUASA-KUASA PENJAJAH DARI BARAT IAITU PORTUGIS, BELANDA DAN BRITISH YANG DATANG BERGILIR-GILIR, KATA PERDANA MENTERI. -- LAGI

1430MST 14 04 89

0567

U B 0 1 9 B A H
MAHATHIR - SEJARAH 2 MELAKA

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PENJAJAH-PENJAJAH JUGA TELAH MENJADIKAN MELAKA SEBAGAI PUSAT PENTADBIRAN DAN PEMERINTAHAN MEREKA DAN SEBAGAI PELABUHAN YANG; UTAMA PADA KETIKA ITU, MELAKA TELAH HENARIK PELBAQAI BANGBA DAN PEDAGANG SERTA TERDAPAT SEBAHAGIAN KECIL DARIPADA MEREKA TERUS BERMASTAUTIN DI MELAKA.

PERDANA MENTERI BERKATA SEHINGGA KINI KESAN-KESAN PENINGGALAN MEREKA MASIH BANYAK TERDAPAT DAN MENJADI BAHAN SEJARAH. +SEMUA INI TELAH MENJADIKAN MELAKA UNIK DAN DISEBABKAN INILAH PENGISYTIHARAN MELAKA SEBAGAI BANDARAYA BERSNARAH SANGAT SESUAI DAN MEMBANGGAKAN KITA SEMUA.+

BELIAU HENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA KERAJAAN DAN PENDUDUK NEGERI MELAKA SEMPENA PENGISYTIHARAN ITU DAN, MENURUTNYA, KERAJAAN MALAYSIA JUGA HARUS TURUT BERBANGGA DENGAN PENGISYTIHARAN YANG JULUNG KALI DILAKUKAN DI NEGARA INI.

UPACARA PERASMIAN PENGISYTIHARAN ITU DI PADANG HADAPAN MUZIUM BUDAYA, BANDAR HILIR PAGI ESOK AKAN DILAKUKAN OLEH YANG DIPERTUA NEGERI, TUN SYED AHMAD SHAHABUDDIN. -- BERNAMA

1432MST 14 04 89

0 0017 0000